

Khairy dihalang serah bantahan rakyat

KUALA LUMPUR: Kira-kira 10,000 rakyat pelbagai kaum yang menyertai demonstrasi mengutuk kekejaman Israel terhadap Lubnan dan Palestin di pekarangan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam, kecewa apabila dihalang menyerahkan memorandum bantahan kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice.

Demonstrasi secara aman itu yang diketuai Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, bermula dengan perhimpunan di Masjid As-Syakirin dekat Menara Berkembar Petronas selepas solat Jumaat sebelum berarak ke pusat konvensyen itu - tempat berlangsungnya Forum Rantau Asean ke-13 (ARF) yang dihadiri Rice.

Setiba di situ, Khairy yang tangan kirinya masih berbalut anduh kerana cedera terjatuh kuda baru-baru ini, meminta Rice keluar dan menerima memorandum bantahan itu.

Sambil menunjukkan keratan akhbar yang menyiarkan gambar mayat kanak-kanak Lubnan yang menjadi mangsa serangan Israel, Khairy melang: "Rice... turun sekarang. Kami beri anda lima minit atau kami akan masuk."

LIHAT MUKA 6

DARI MUKA 1

Bagaimanapun, beberapa pegawai Wisma Putra memberitahu Khairy bahawa Rice tidak akan keluar untuk menerima memorandum itu dan meminta ia diserahkan kepada mereka, tetapi Naib Ketua Pemuda Umno itu tetap mahu menyerahkannya kepada Setiausaha Negara Amerika atau wakilnya.

Khairy yang diarah beredar kerana tidak mempunyai pas keselamatan memasuki pusat konvensyen berkenaan, kemudian meminta untuk menyerahkan memorandum itu kepada Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Christopher LaFleur, tetapi tetap tidak dilayan.

Selepas tempoh lima minit itu berakhir, Khairy mara ke pintu masuk pusat konvensyen bersama Exco Pemuda Umno, Reezal Merican Naina Merican dan Datuk Norza Zakaria; Presiden Pergerakan Antarabangsa Untuk Keadilan Dunia (Just), Dr Chandra Muzaffar; Pengerusi Putera Umno, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahman dan beberapa pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kedua sedikit tegang apabila orang ramai yang menyertai demonstrasi itu berpusu-pusu merapati pintu masuk tetapi dihalang pasukan keselamatan termasuk anggota unit berkuda polis dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU).

Malah, ketika beberapa peserta demonstrasi cuba melalui pintu utama pusat konvensyen berkenaan, anggota FRU dilihat mengasak mereka termasuk Khairy sendiri menyebabkan beliau terjatuh dan terpaksa berundur.

Namun, selepas berunding seketika, Khairy dibenarkan masuk tetapi keluar semula kerana diberitahu, tiada wakil Amerika Syarikat

mahu menemuinya.

Pasukan keselamatan kemudian sekali lagi meminta beliau dan yang lain beredar tetapi mereka mengambil keputusan duduk bersila menunggu sehingga wakil Amerika Syarikat menerima memorandum itu.

Bagaimanapun, tidak lama kemudian, beberapa pegawai kedutaan Amerika Syarikat dan Wisma Putra serta polis berbincang dengan Khairy dan membawanya masuk. Beliau keluar semula 15 minit kemudian dan disambut sorakan gemuruh orang ramai yang menyertai demonstrasi itu yang tidak berganjak walaupun hujan lebat.

Dalam ucapannya sebelum bersurai jam 4.45 petang, Khairy memaklumkan memorandum itu sudah diserahkan kepada pihak Amerika.

Khairy yang ditanya pemberita sama ada memorandum itu diserahkan kepada Rice, berkata: "Ketika ini memorandum itu sudah berada di tangan Rice."

Antara yang menyertai demonstrasi termasuk anggota Pemuda Barisan Nasional (BN), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan pertubuhan pelajar dengan membawa kain rentang dan pelbagai sepanduk mengutuk Amerika Syarikat dan Israel.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pihaknya akan menghantar surat bantahan rasmi mengenai serangan Israel ke atas Lubnan kepada Kedutaan Amerika Syarikat dan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini.

Katanya, surat rasmi itu juga menyatakan kekesalan pergerakan itu terhadap pembunuhan orang tidak berdosa termasuk wanita dan kanak-kekak di Lubnan.